



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAEDAH “THEATRE OF OPPRESSED“ MENGATASI BULI DALAM  
KALANGAN PELAJAR REMAJA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.**

MUHAMMAD NURHARITH BIN JUMAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN  
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada tanggal 6 Jun 2022.

### I. Perakuan pelajar:

Saya Muhammad NurHarith Bin Jumat dengan kad matrik D20202095976 dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dengan ini mengaku bahawa penulisan ilmiah yang bertajuk Kaedah “Theatre Of Oppressed” mengatasi buli dalam kalangan pelajar remaja Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah merupakan hasil buatan atau kerja saya sendiri. Saya langsung tiada memplagiat atau menggunakan sebarang jenis hasil buatan kerja yang mempunyai hak cipta yang telah dilaksanakan melalui proses yang sewajarnya dan juga tidak langsung memetik sebarang petikan ataupun rujukan daripada penulisan yang telah mempunyai hak cipta secara nyatanya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

---

Tandatangan pelajar:  
Muhammad NurHarith Bin Jumat

### II. Disemak oleh:

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Penyelia : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

### III. Disahkan oleh;

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Penyelaras : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

II

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, dengan kurnia dan izinNya penulisan kajian ilmiah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai ujian dan cabaran telah ditempuhi sepanjang penghasilan ini dari proses pembacaan buku ilmiah, kutipan data, sesi kajian lapangan sehingga tamat penulisan. Semua itu itu tidak akan terjadi jika tanpa sebarang bimbingan daripada insan yang sangat berharga terutama Encik Zolkifli Bin Hj. Abdullah selaku penyelia bagi penulisan ilmiah dan tidak lupa juga kepada Dr. Fara Dayana Binti. Mohd. Jufry sebagai pensyarah bagi subjek Kajian Ilmiah APC3053 yang banyak membimbang dan memberi nasihat tunjuk ajar sepanjang proses penulisan kajian ilmiah ini dijalankan. Dengan kesempatan ini juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang juga banyak membantu saya semasa proses pengutipan data berlaku. Akhir sekali, ingin diberikan penghargaan kepada kedua ibu bapa yang tercinta yang sentiasa memberikan sokongan dan kata semangat untuk meneruskan perjuangan dalam menyiapkan penulisan ini. Tidak dapat diungkap dengan kata-kata jika ingin menjelaskan betapa bersyukurnya mempunyai insan-insan yang tersayang ini di belakang sepanjang proses ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

III

## ABSTRAK

Buli merupakan satu perkara yang tergolong di bawah pokok besar kata penindasan. Oleh hal yang demikian, sangat sesuai untuk dikaitkan dengan sebuah bentuk teater yang dicipta khusus untuk menangani isu-isu yang demikian. Secara harfiahnya, kajian ini dilaksanakan khususnya secara kualitatif dan menggunakan kaedah kajian yang berbentuk etnografi yang melibatkan keperluan untuk kajian lapangan. Kajian ini telah dilakukan dalam bentuk program bengkel yang digelar “Bengkel *Theatre Of Oppressed*: Mencegah Buli” yang telah dijalankan di Pusat Bitarasiswa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Bengkel ini juga telah melibatkan pelajar seramai 20 orang yang datang dari pelbagai bidang yang berbeza. Kesemua data dianalisis menggunakan dua kaedah iaitu soal selidik dan juga temu bual. Data-data juga telah dianalisis dengan cara analisis deskriptif dan dibentangkan dalam bentuk jadual dan juga gambar rajah. Kaedah triangulasi juga dilakukan bagi menambah lagi kekuahan maklumat kajian. Hasil keseluruhan kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah *Theatre of Oppressed* dalam mengatasi isu buli dalam kalangan pelajar remaja Universiti Pendidikan Sultan Idris.

*Kata Kunci : Theatre of Oppressed, Isu Buli, Pelajar Remaja*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## "THEATER OF OPPRESSED" METHOD TO OVERCOME BULLYING AMONG TEENAGE STUDENTS OF SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY.

### ABSTRACT

Bullying is a thing that belongs under the big tree of oppression. As such, it is very suitable to be associated with a form of theater created specifically to deal with such issues. Literally, this study is carried out qualitatively and uses ethnographic research methods that involve the need for field research. This study was carried out in the form of a workshop program called "Theatre Of Oppressed Workshop: Preventing Bullying" which was conducted at the Scholarship Center, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. This workshop has also involved students as many as 20 people who come from various different fields. All data was analyzed using two methods, namely questionnaires and interviews. The data has also been analyzed through descriptive analysis and presented in the form of tables and diagrams. The method of triangulation is also done to increase the strength of the research information. The overall result of this study is to see the effectiveness of the Theater of Oppressed method in overcoming the issue of bullying among teenage students of Universiti Pendidikan Sultan Idris.





## KANDUNGAN

<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>VIII</b>
<b>SENARAI NAMA SINGKATAN .....</b>	<b>VIII</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN .....</b>	<b>IX</b>
<b>BAB 1 .....</b>	<b>1</b>
<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian .....	2
1.2 Pernyataan Masalah .....	3
1.3 Objektif Kajian .....	4
1.4 Persoalan Kajian .....	4
1.5 Kerangka Teori Kajian .....	5
1.6 Kepentingan Kajian .....	10
1.7 Batasan Kajian .....	11
<b>BAB 2 .....</b>	<b>12</b>
<b>TINJAUAN LITERATUR .....</b>	<b>12</b>
<b>BAB 3 .....</b>	<b>16</b>
<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>16</b>
<b>BAB 4 .....</b>	<b>25</b>
<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN .....</b>	<b>25</b>
<b>BAB 5 .....</b>	<b>40</b>
<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>40</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>250</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>251</b>





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
4.1 Semester Pelajar Yang Terlibat	27
4.2 Keberkesanan Kaedah “ <i>Theatre Of Oppressed</i> ”	28
4.3 Buli Patut Dihindarkan Dan Tidak Diterapkan	29
4.4 Isu Buli Dapat Dikenal Pasti Melalui Kaedah “ <i>Theatre Of Oppressed</i> ”	30
4.5 Jenis Bentuk Teater Yang Paling Berkesan	31
4.6 Jenis Simbol, Contoh Dan Maknanya	33
4.7 Pengetahuan Pelajar Berkaitan Theatre Of Oppressed	35
4.8 Pengetahuan Pelajar Berkaitan Jenis-Jenis Buli Yang Wujud	37
4.9 Pendapat Pelajar Berkaitan Adakah Buli Patut Dipandang	38
4.10 Pendapat Pelajar Berkaitan Penerapan Buli Dimasa Hadapan	39





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1    Carta Alir Teori <i>Spec-actor</i> oleh Augusto Boal	5
3.1    Soal selidik kepada peserta dalam <i>Google form</i>	22
3.2    Soal selidik triangulasi kepada pelajar yang tidak menyertai bengkel dalam bentuk <i>Google form</i>	23
4.1    Carta Pai Peratusan Peserta Yang Menyertai	26
4.2    Carta Pai Peratusan Peserta Mengikut Semester	27
4.3    Graf Keberkesanan Kaedah “ <i>Theatre Of Oppressed</i> ”	28
4.4    Graf Buli Patut Dihindarkan Dan Tidak Diterapkan	29
4.5    Graf Buli Dapat Dikenal Pasti Melalui “ <i>Theatre Of Oppressed</i> ”	30
4.6    Carta Pai Jenis Teater Yang Paling Berkesan	31
4.7    Graf Pengetahuan Pelajar Berkaitan <i>Theatre Of Oppressed</i>	35
4.8    Pengetahuan Pelajar Berkaitan Jenis-Jenis Buli Yang Wujud	37
4.9    Pendapat Pelajar Berkaitan Adakah Buli Patut Dipandang Ringan	38
4.10    Pengetahuan Pelajar Berkaitan Penerapan Buli Dimasa Hadapan	39





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

VIII

## SENARAI NAMA SINGKATAN

TO	Theatre Of Oppressed
UPSI	Universti Pendidikan Sultan Idris
NCES	National Center for Education Statistics
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Transkrip responden F
- B Transkrip responden J
- C Poster program bengkel
- D Gambar semasa program





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Pada hari ini, kita boleh melihat bahawa isu pembulian di dalam kalangan murid di Malaysia masih menjadi satu isu yang kekal relevan sepanjang masa. Meskipun pelbagai langkah dan cara telah digunakan bagi mengatasi masalah ini, isu buli ini tetap sentiasa wujud sehingga sekarang. Perkara ini jika dibiarkan atau dipandang remeh, ia boleh mendatangkan kesan yang sangat buruk kepada generasi yang akan datang. Hal ini kerana, kita boleh melihat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, semenjak bertambah majunya teknologi seperti sosial media, banyak video yang berkaitan dengan isu buli tersebar. Itu baru yang dirakam, perkara yang terjadi tanpa ada sebarang rakaman pasti lagi banyak dan lagi teruk berbanding apa yang selalu disebarluaskan.

Kesannya yang patut kita khuatiri ialah boleh dilihat berdasarkan laporan liputan yang dikeluarkan oleh surat khabar perdana iaitu Utusan Malaysia pada tanggal 30 Mac 2004 dimana satu kes dilaporkan bahawa seorang pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Agama telah meninggal dunia setelah dibelasah teruk oleh sekumpulan pelajar senior. Bukan itu sahaja, menurut laporan Utusan Malaysia (2004), didapati lebih 35 pelajar sekolah yang cedera atau meninggal akibat dibelasah oleh pelajar yang telah dilaporkan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari 1999 hingga 2003. Jadi boleh disimpulkan secara bahawa buli ini bukan suatu perkara yang remeh dan ringan kerana jika dipandang ringan, ia boleh meragut nyawa insan yang tersayang.





## 1.1 Latar Belakang Kajian

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mengatasi dan membasmi masalah buli daripada terus berlaku seperti membuat kempen, ceramah motivasi, program kebajikan dan banyak lagi, akan tetapi langsung tidak memberikan sebarang dampak perubahan sehingga ke hari ini. Hal ini membuatkan pengkaji terdetik untuk mengkaji apakah cara yang terbaik bagi mengatasi masalah buli ini. Buli ini boleh dikelaskan kepada banyak jenis bentuk buli, buli fizikal, buli verbal, buli siber dan banyak lagi. Tetapi antara buli yang boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada mangsa ialah buli fizikal.

Menurut Noran (2004), kajian beliau mendapati bahawa 95.8% pelajar sekolah menengah dan 82.7% pelajar sekolah rendah menjadi mangsa buli verbal di negara ini dan bagi buli fizikal sebanyak 65.3% di sekolah menengah menjadi mangsa berbanding 56% pelajar sekolah rendah. Jika dilihat berdasarkan peratusan, boleh dikatakan bahawa buli verbal antara buli yang sering dialami oleh golongan remaja. Bukan itu sahaja, berdasarkan penelitian oleh National Center for Education Statistics (NCES, 2015) dari Amerika Syarikat mendapati Malaysia berada di kedudukan ke-7

daripada 53 buah negara dengan mencatatkan 11% insiden buli dalam kalangan remaja sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Tambahan lagi, menurut Goelbert, et.al (2010) pula mendapati 54 peratus perempuan paling terkesan dengan keimbangan mental dan cubaan bunuh diri berbanding lelaki. Ia jelas menunjukkan penglibatan buli siber lebih memberi kesan negatif kepada remaja perempuan dengan 61.3 peratus berbanding lelaki sebanyak 38.7 peratus (Ikuko Aoyama, 2010).

Jadi dengan apa dilihat berdasarkan kajian tersebut, perkara ini bukanlah suatu isu yang boleh dipandang remeh oleh semua pihak kerana berada dalam lingkungan negara yang berisiko besar bukannya suatu perkara yang kita boleh selesa dan banggakan.

Dari perkara itulah pengkaji cuba menghubungkan masalah ini dengan suatu perkara lain iaitu “*Theatre Of Oppressed*” iaitu suatu cabang daripada teater komuniti yang pengkaji merasakan bahawa perkara ini amat berpotensi besar dalam menyelesaikan perkara isu buli ini.





## 1.2 Pernyataan Masalah

Setelah melihat peratusan dan perkembangan permasalah isu buli di kalangan pelajar remaja, hasilnya amat merisaukan dan membimbangkan semua pihak termasuk pengkaji. Seolah-olah tiada perkembangan yang dapat dilihat dalam mengatasi masalah buli ini. Berdasarkan perkara tersebut, timbulnya persoalan sejauhmanakah fungsi “*Theatre Of Oppressed*” dalam mengatasi masalah buli dalam kalangan remaja ini. Punca pengkaji memilih “*Theatre Of Oppressed*” sebagai penyelesaian masalah kepada buli ialah disebabkan ciri-ciri dan matlamat yang ada pada teater tersebut iaitu peranan utamanya iaitu untuk menyelesaikan masalah harian masyarakat.

Masalah utama yang timbul dalam penggunaan “*Theatre Of Oppressed*” kepada pelajar remaja ialah mereka langsung tidak tahu apakah itu “*Theatre Of Oppressed*”. Sebahagian besar juga langsung tidak mengenali apakah itu teater sama sekali. Ini semestinya terjadi kerana tiada pengkhususan mengenai subjek teater di sekolah-sekolah kecuali sekolah-sekolah seni atau insitusi kesenian yang sememangnya mempunyai subjek khusus mengenai teater. Jadi dengan peluang inilah para pelajar sekolah dapat mengetahui serba sedikit mengenai teater walaupun hanya sebahagian kecil sahaja.





### 1.3 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah untuk:

- I. Keberkesanan kaedah “*Theatre Of Oppressed*” dalam menghadapi masalah buli.
- II. Memberi pengetahuan kepada pelajar remaja bahawa buli itu perkara yang patut dihindarkan dan tidak diterapkan.
- III. Mengenal pasti masalah buli dengan kaedah “*Theatre Of Oppressed*”.
- IV. Jenis bentuk teater yang ada dalam “*Theatre Of Oppressed*” yang paling berkesan dalam mengatasi isu buli dalam kalangan pelajar


### 1.4 Persoalan Kajian

Melalui kajian ilmiah ini, penulis dapat melihat dan memerhatikan beberapa kepastian mengenai persoalan berikut:

- I. Sejauhmanakah keberkesanan “*Theatre Of Oppressed*” dapat membantu pelajar dalam menghadapi permasalahan buli?
- II. Dapatkah pelajar mengetahui bahawa buli merupakan perkara yang patut dihindarkan dan tidak diterapkan pada masa akan datang?
- III. Adakah isu buli dapat dikenal pasti melalui kaedah “*Theatre Of Oppressed*”?
- IV. Apakah jenis bentuk teater yang ada dalam “*Theatre Of Oppressed*” yang paling berkesan dalam mengatasi isu buli dalam kalangan pelajar?



## 1.5 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1 : Menunjukkan Carta Alir Teori *Spec-actor* oleh Augusto Boal



Berdasarkan rajah 1.1 di atas menunjukkan kerangka teori di dalam kajian ini dimana jelas menunjukkan pengkaji telah menggunakan teori dan kaedah yang telah dibangunkan serta diciptakan oleh Augusto Boal. Teori beliau yang dinamakan sebagai teori *Spec-actor* ini ciri yang khusus yang menjadi tulang belakang dalam penghasilan karya TO beliau. Dimana pendapat beliau terhadap teater itu sendiri yang selama hanya dilihat sebagai suatu bentuk persembahan kepada komuniti, sebaliknya beliau merasakan teater itu adalah sebuah persembahan komuniti untuk komuniti sendiri.

Jadi, dalam melakukan kajian ini, secara spesifikasinya pengkaji telah menggunakan teori ataupun kaedah yang telah diciptakan oleh Augusto Boal di dalam bukunya “*Theatre of The Oppressed*”. Berdasarkan buku yang ditulis oleh Augusto Boal, penulis akan menggunakan beberapa jenis teater yang terdapat TO iaitu Teater Forum, Teater Gambar, Teater Halimunan dan Teater Surat Khabar

### 1.5.1 Teater Forum

Teater Forum merupakan suatu bentuk teater yang menggabungkan dua unsur iaitu teater dan juga forum. Bentuk teater ini merupakan antara yang paling dikenali ramai dalam kesemua yang diciptakan oleh Augusto Boal. Bentuknya yang unik dan lebih mesra penonton membuatkan Teater Forum ini lebih digemari penonton.

Di dalam Teater Forum ini, akan diperlukan seorang *Joker* dan beberapa ahli yang sudah biasa bermain dan juga penonton. Mulanya, akan dibincangkan apa sahaja topik berkaitan dengan isu-isu hal penindasan, kekejaman dan banyak lagi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Kemudian, para pelakon akan membincangkan seketika mengenai apa yang akan mereka lakonkan dan melakukannya secara spontan ataupun improvisasi. Kemudiannya, *Joker* akan bertanya kepada penonton bahawa adakah mereka bersetuju dengan situasi yang telah dilakukan ataupun tidak. Jika tidak, para penonton yang kurang bersetuju dengan tindakan pelakon tadi boleh naik ke pentas dan menggantikan watak yang mereka mahu dan turut sama berlakon dalam situasi yang sama tetapi berdasarkan kemahuan dan keputusan mereka sendiri. Situasi ini akan berulang-ulang sehingga semua bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan untuk menyelesaikan masalah.





### 1.5.2 Teater Gambar

Augusto Boal (1960) menciptakan bentuk teater ini adalah kerana beliau percaya bahawa Teater Gambar ini merupakan suatu proses yang mengutamakan pemikiran melalui tubuh badan. Salah satu ciri yang membezakan bentuk teater ini dengan teater yang lain ialah teater ini tidak langsung memerlukan sebarang gerakan badan ataupun ucapan dialog. Hal ini demikian, kerana Augusto Boal yakin dan percaya dengan prinsip bahawa manusia itu kesepadan dan saling berhubung antara satu sama lain secara langsung ataupun tidak.

Didalam atur cara Teater Gambar ini, seperti biasa *Joker* akan berperanan untuk memimpin acara dan juga beberapa ahli akan menunjukkan demonstrasi awal terlebih dahulu. Para ahli akan membincang dahulu dan terus masuk ke ruang lakon. Mereka akan berada didalam keadaan yang tetap tanpa bergerak sambil mempamerkan aksi yang melibatkan situasi penindasan, kekejaman, dan sebagainya. Selepas beberapa ketika, *Joker* akan bertanya kepada penonton untuk meneka apakah situasi yang sedang berlaku. Selepas para penonton meneka, seperti biasa *Joker* akan meminta para penonton untuk tampil ke depan dan menggantikan posisi watak yang mereka pilih untuk menyelesaikan masalah sekiranya mereka tidak bersetuju dengan situasi sebelumnya.





### 1.5.3 Teater Halimunan

Teater Halimunan merupakan salah satu juga bentuk teater yang telah diciptakan oleh Augusto Boal di dalam “*Theatre of Oppressed*”. Bentuknya sangat berbeza dengan teater yang sebelumnya. Ciri yang menjadikan teater halimunan ini menjadi sangat unik ialah konsep persembahannya yang terbuka dan boleh terjadi dimana-mana sahaja seperti dalam bas, perpustakaan, kereta api dan banyak lagi tempat yang terbuka. Pada masa kini, ramai sebenarnya para *Youtuber* telah melakukan video yang berbentukkan teater halimunan ini akan tetapi mereka tidak menyadarinya. Video mereka seperti sosial eksperimen merupakan cara sebenar bagaimana ingin melakukan teater halimunan.

Cara pelaksanaan teater ini ialah dimana memerlukan beberapa orang pelakon yang mahir improvisasi akan berada dimana-mana sahaja tempat yang dipilih. Lalu mereka akan membuat sebarang situasi yang melibatkan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan penindasan dan melihat apakah reaksi orang disekeliling sama ada menghiraukan atau bertindak dengan sewajarnya. Aksi ini akan berterusan sehingga para pelakon dan ahli produksi berpuas hati dengan tindak balas masyarakat. Seeloknya, para pelakon harus memastikan bahawa orang sekeliling tidak akan menyedari bahawa mereka sedang berlakon dan ahli pasukan kena memastikan bahawa tiada berlakunya sebarang tindak balas dan aksi yang ganas atau diluar kawalan bagi memastikan keselamatan pelakon. Jadi dengan cara ini, kita boleh melihat reaksi masyarakat yang lebih jujur dan sebenar dalam menghadapi situasi kehidupan.





### 1.5.4 Teater Surat Khabar

Teater Surat Khabar merupakan satu lagi jenis bentuk teater yang telah diilhamkan dan dibangunkan oleh Augustus Boal menerusi TO. Teater ini diciptakan khas sebagai salah satu teknik yang memudahkan masyarakat untuk membuat persembahan teater. Dalam kata lain, teater ini juga diperbangunkan untuk mendemistifikasi media dan juga untuk mendidik masyarakat untuk mempersoalkan mengenai kebenaran sesuatu objektif itu.

Cara pelaksanaan teater surat khabar ini secara ringkasnya ialah dimana para pelakon harus mencari sebarang maklumat yang sesuai dengan konteks isu berdasarkan surat khabar, majalah, artikel dan juga sebarang media berita secara atas talian yang boleh dipercayai . Untuk mencari maklumat, Augustus Boal telah menyediakan beberapa teknik yang khas dalam membantu peserta untuk memudahkan proses mereka. Antaranya teknik yang disediakan ialah:

- *Simple reading*
- *Complementary reading*
- *Crossed reading*
- *Rhymatical reading*
- *Parallel action*
- *Improvisation*
- *Historical reading*
- *Reinforcement*
- *Concretion of the abstract*
- *Text out of context*

Setelah menerapkan salah satu teknik yang dinyatakan di atas dan perbincangan dilakukan dalam kumpulan. Maka, persembahan boleh terus dilakukan. Cuma, dalam teater ini tidak ada interaksi *spec-actor* bersama pelakon. Justeru, boleh dijelaskan bahawa teater ini dapat memupuk sikap masyarakat untuk berfikir secara kritikal dalam menilai dan menafsirkan apa juar perkara yang dihadapi.





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah dimana pengkaji ingin melihat sejauhmanakah kaedah TO ini dapat memberikan manfaat kepada para pelajar dalam mengatasi isu buli ini. Pengkaji mengenal pasti terlebih dahulu apakah kebarangkalian kelebihan dan manfaat yang diperolehi oleh para pelajar sebelum melakukan kajian ke atas mereka. Ini bagi melihat sama ada penggunaan kaedah TO benar-benar dapat memberikan impak kepada pelajar. Jadi berikut merupakan kepentingan kajian yang disenaraikan oleh pengkaji:

- Dapat mengurangkan kadar kes buli dalam kalangan pelajar di Universiti dengan menggunakan kaedah TO ini supaya kehidupan pelajar dapat dijalani dengan persekitaran yang baik.
- Memberikan kesedaran awal kepada para pelajar bahawa betapa bahayanya kesan dan impak buli ini serta menyedari buli merupakan suatu kegiatan jenayah yang boleh disabitkan akta jenayah kerana mengikut Seksyen 323, 324 dan kesalahan berkaitan perkataan atau isyarat yang bermaksud mengaibkan kehormatan seseorang di bawah seksyen 509 Kanun Kesiksaan. Untuk kesalahan di bawah Seksyen 324 pula, hukuman penjara hingga tujuh tahun dan denda boleh dikenakan mengikut Seksyen 325.
- Pendedahan mengenai dunia dan ilmu teater serba sedikit secara tidak langsung, kerana tiada pendedahan yang khusus mengenai bidang ini di rata-rata sekolah di Malaysia.
- Membantu dan memupuk sikap pelajar untuk berfikiran secara matang dan kritikal dalam membuat sebarang keputusan dan menghadapi apa juar situasi.





## 1.7 Batasan Kajian

Penulis telah membataskan kajian dengan memfokuskan skop kajian supaya lebih berfokus dan mudah untuk dianalisis. Apa yang dilakukan oleh penulis ialah memfokuskan sebuah institusi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris dimana penulis menjalankan sesi bengkel “*Theatre Of Oppressed*” di sebuah tempat yang bernama Bitarasiswa dan akan dijalankan pada tanggal 31 Disember 2022. Bengkel tersebut akan melibatkan para pelajar remaja lelaki dan perempuan dari semester satu hingga semester lima seramai 20 orang peserta. Respon pelajar mengenai buli akan diambil melalui soal selidik yang diberikan selepas tamat sesi bengkel,

Kelemahan yang mungkin akan dihadapi oleh penulis dalam melakukan kajian mungkin ialah adakah semua murid dapat memberikan respon yang baik selepas habisnya sesi dan adakah mereka akan kekal konsisten dengan sikap mereka untuk tidak membuli dalam jangka masa yang panjang. Kerisauan yang dibimbangi oleh penulis juga ialah dimana pelajar terlalu segan untuk bersama-sama menjayakan program ini kerana malu berhadapan dengan orang dikhlayak ramai.

